

MITI Bantu Industri Tempatan Luaskan Produk Ke Pasaran Antarabangsa
Bernama
6 Mac, 2012

SHAH ALAM, 6 Mac (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak, termasuk Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dalam usaha membantu penggiat industri tempatan memperluas pasaran produk mereka ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir berkata perbincangan itu perlu berikutan kebanyakan industri tempatan berdepan masalah tidak mempunyai kemudahan untuk menjalankan ujian ke atas produk yang dihasilkan.

"Ujian elektrik ke atas produk sudah tentu perlu mematuhi piawaian bertaraf dunia. Oleh sebab kita tiada kemudahan ujian itu di negara ini, mereka terpaksa menghantar produk untuk diuji di luar negara dan dikenakan kos yang agak tinggi.

"MITI perlu berbincang perkara ini dengan semua pihak, termasuk MOSTI. Saya lihat ini sebagai satu faktor penting untuk kita bantu syarikat tempatan bersedia menghadapi pasaran tempatan yang semakin liberal, dan membantu mereka mengeksport produk ke luar negara," katanya kepada pemberita selepas melawat syarikat pembekal peralatan suis, Indkom Engineering Sdn Bhd, di sini petang Selasa.

Mukhriz yang meluangkan masa kira-kira sejam untuk melihat operasi syarikat itu, diiringi Pengerusi Eksekutif Kumpulan Indkom Engineering, Mohsin Shih Marai dan Pengarah Pemasaran Jualan Kumpulan syarikat, Sheikh Abdullah Awadh Talib.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650374>